

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)38

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

38. Nyatakan perkembangan kempen “*Stop the Bully*” yang dilancarkan pada tahun 2017.
- (a) Jika kempen tersebut telah dihentikan, apakah inisiatif baharu yang diperkenalkan bagi menangani kes buli yang semakin serius di sekolah?
 - (b) Sertakan maklumat terperinci termasuk jumlah perbelanjaan yang telah digunakan.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

38. Menurut rekod pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), pihak JPNPP tidak mempunyai sebarang maklumat rasmi berkaitan kempen “*Stop the Bully*” yang dilancarkan pada tahun 2017 termasuk maklumat pihak pelaksana, perkembangan pelaksanaan mahupun jumlah perbelanjaan yang telah digunakan bagi program tersebut.

(a) Antara inisiatif Kerajaan Negeri dalam menangani kes buli yang semakin serius di sekolah adalah dengan penganjuran Program *Penang Goes Orange (PGO)* yang dikendalikan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) melalui kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan agensi-agensi yang berkaitan dengan tema “Hentikan Buli: Saya Prihatin!” dan “*Kindness4Wellness: Stop Bullying*” Tahun 2023. Objektif program ini adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan kesedaran tentang isu buli, fizikal dan siber;
- (ii) Menggalakkan sikap prihatin dan menolak keganasan; dan
- (iii) Membentuk masyarakat Pulau Pinang yang selamat dan harmoni.

Di samping itu, dalam menangani isu buli yang semakin membimbangkan di institusi pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan beberapa inisiatif di bawah pelan tindakan semasa, antaranya:

- (i) Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 12 Tahun 2023 bertajuk Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan bawah KPM yang memperincikan prosedur pencegahan, intervensi, siasatan dan tindakan tatatertib terhadap kes buli di sekolah;
- (ii) Program Terjah Asrama yang dilaksanakan sebagai langkah pemantauan berterusan dengan kerjasama KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui lawatan mengejut (*spot check*) bagi menilai tahap keselamatan, disiplin dan pematuhan *Standard Operating Procedure* (SOP) di asrama; dan
- (iii) Program Kesedaran dan Pendidikan Anti Buli melalui penganjuran ceramah, bengkel dan kempen sahsiah di peringkat sekolah dengan penglibatan agensi luar seperti PDRM, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), *Malaysia*

Crime Prevention Foundation (MCPF) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan bagi membentuk budaya sekolah yang selamat dan beretika.

- (b) Jumlah perbelanjaan bagi pelaksanaan program Program *Penang Goes Orange* (PGO) bertemakan tema “Hentikan Buli: Saya Prihatin!” dan “*Kindness4Wellness: Stop Bullying*” berjumlah RM164,281.25.